

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN
(KOTA KINABALU)**

TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan diberikan ruang dan peluang untuk dibahaskan dalam sidang Dewan Rakyat agar setiap inti pati laporan itu boleh diperhalusi oleh semua Ahli Parlimen, memupuk amalan ketelusan, dan mendukung usaha mentransformasikan Dewan Rakyat.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) boleh dibahaskan dalam Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat melalui prosedur-prosedur yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan ia boleh dibawa oleh mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat.

Dalam pada itu, Ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh membangkitkan perkara-perkara yang dibangkitkan dalam laporan-laporan PAC melalui pertanyaan-pertanyaan kepada Menteri dan perbahasan di Dewan Rakyat seperti perbahasan Belanjawan Tahunan dan urusan-urusan lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.